

**BUKU ROSYAM NOR, IMPIAN JUTAWAN BUDAK SETINGGAN.** Suhan Publication, Kuala Lumpur. 2016. P.p. 200. ISBN 9789671405505.

Buku yang tertera di atas disorot oleh penulis. Penulisan biografi merupakan suatu karya yang amat menarik untuk dihayati. Ini kerana penulisan merupakan manifestasi terjemahan pengalaman dalam kehidupan yang dilalui sejak kecil sehingga kini. Buku ini mengandungi tiga bahagian secara keseluruhannya merupakan kisah hidup penulis yang pernah melalui perit jerih sebelum bergelar jutawan pada hari ini. Di bahagian hadapan buku tertera ungkapan “Kebetulan belum cukup untuk menjadi kenderaan menuju kejayaan; aku ada rahasianya.” Terdapat satu lagi ungkapan iaitu “Kemelut kehidupan sebagai budak setinggan tidak pernah aku jadikan alasan untuk meraung; bahkan pesta kedaifan itulah yang menjadi sumbu pembakar semangat untuk berjaya.” Kedua-dua ungkapan menarik ini mendekatkan diri penulis untuk menghayati penulisan autobiografi ini dengan sebaik mungkin.

Mohamed Noor bin Shamsuddin dipanggil Legau oleh arwah nenek beliau kerana suka berlegar. Namun hari ini, beliau dikenali sebagai Rosyam Nor. Budak setinggan Kampung Kerinci ini hidup dalam penuh kedaifan meniti arus perdana kota metropolitan Kuala Lumpur. Tiga Bahagian (Bab) yang dititipkan oleh penulis buku ini ialah Bahagian 1 (Kemelut Kehidupan Adalah Tuah Masa Hadapan), Bahagian 2 (Pentas dan Watak Dalam Kehidupan), dan Bahagian 3 (Membina dan Mencipta Makna Kehidupan). Membaca buku ini adalah seolah-olah kita berada dan membesar bersama Legau.

Bab pendahuluan dimulakan dengan menyatakan bahawa Kuala Lumpur menyimpan kisah kehidupan masa lalunya. Ini kerana perubahan Kuala Lumpur adalah berlaku sejarar dengan usia beliau yang mencecah angka 52 tahun. Hal yang demikian dinyatakan oleh beliau “Bila dikenang-kenang, rupanya aku juga ibarat ibu kota yang berubah wajah mengikut peredaran dan tuntutan masa”. Kisah kehidupan beliau bermula beberapa kilometer dari jantung kota besar Kuala Lumpur. Penghuninya ialah orang miskin yang datang berhijrah dari negeri lain dan mendirikan rumah di atas tanah bukan milik mereka dan menjadikan rumah itu sebagai permulaan membina kehidupan masing-masing. Sinonimnya digelar sebagai “rumah haram” di kawasan tanah haram. Namun akhirnya digelar sebagai rumah setinggan kerana tidak tergamak menggunakan istilah sedemikian.

Rubiah binti Kamaruddin merupakan ibu kepada Legau manakala Shamsuddin bin Mohd Yusof ialah bapanya. Keduanya merupakan anak jati Selangor dan bertemu jodoh di usia 15 tahun. Kehidupan pasangan ini bermula di Bukit B, Kampung Kerinci. Namun disebabkan kesempitan hidup, ayahnya terpaksa mendirikan rumah di kawasan setinggan yang terletak bersebelahan dengan bukit RTM atau kini dikenali dengan nama kompleks Angkasapuri. Kawasan setinggan Kampung Kerinci mencipta sejarahnya yang tersendiri kerana merupakan penempatan setinggan paling besar dan mula-mula wujud di Kuala Lumpur. Lokasi strategik ini menjadi tumpuan bagi sesiapa yang ingin melakar kehidupan baru di kota Kuala Lumpur.

Penghijrahan menyebabkan kawasan ini menjadi begitu sesak kemudiannya. Kesusahan dan keperitan hidup menyebabkan masyarakat di situ rela berkongsi tanah, bersambung atap dan dinding dengan jiran mereka yang lain. Justeru itu, tidak hairanlah wujud pelbagai bentuk rumah sama ada beratapkan rumbia ataupun plastik, berdindingkan papan lapis sisa buangan di tapak pembinaan atau berlantaikan papan yang dikutip mahupun berlantaikan tanah. Pendek kata asalkan beratap dan berdinding sudah dianggap rumah. Mereka berkongsi kesengsaraan yang sama tanpa kemudahan asas seperti air dan elektrik. Tandas kecil terpaksa

dikongsi dan sumber air juga adalah hak bersama. Tanggal 1 Mac 1967, Legau dilahirkan di Hospital Besar Kuala Lumpur. Seperti mana anak setinggan lain, Legau tidak mempunyai pilihan. Menurutnya lagi bahawa kehidupan ketika itu terpaksa menongkah arus. Jika sanggup bekerja keras maka akan ada peluang untuk menghirup udara segar dan jika bermalas-malasan sudah pasti tenggelam dihanyutkan arus deras kehidupan.

Rumah Legau dibina secara bergotong-royong oleh rakan-rakan ayahnya dengan menggunakan kayu dan papan-papan buangan. Beratapkan rumbia yang disisip sendiri daripada daun-daun rumbia atau daun pokok sagu. Di kawasan kampung setinggan ini hanya terdapat sebuah perigi yang digali dan dikongsi bersama. Selain itu terdapat sebatang paip air kerajaan untuk dikongsi dengan keluarga setinggan yang lain. Rutin harian mereka ialah beratur sambil memegang baldi menunggu giliran menadah air dari paip kerajaan untuk dibuat air minuman. Bagi urusan mandi dan membasuh pakaian, mereka menggunakan air perigi yang terletak bersebelahan. Orang lelaki hanya bertuala atau berkain pelekat atau berkain batik menutup dari paras pinggang ke lutut manakala yang perempuan hanya berkemban. Kanak-kanak pula ada yang berseluuar pendek ataupun mandi tanpa seurat benang. Legau menyatakan bahawa mereka adik-beradik menganggapnya sebagai pesta mandi-manda. Namun kadang kala badan mereka juga disentul oleh emaknya dengan menggunakan berus sabut. Ketika menyentul membuang kotoran pasti ada habuan yang singgah ke badan mereka. Walaupun sentalan dan pukulan arwah emaknya menyakitkan, namun bagi Legau, emaknya melakukannya dengan penuh kasih sayang. Perasaan malu dan segan terpaksa ditolak ke tepi lantaran belenggu kemiskinan. Namun gurau senda dan sapaan ketika itu menjadikan keadaan bertambah meriah. Hal yang demikian juga menjadi sebahagian daripada asam garam kehidupan yang mampu membuatkan Legau tersenyum sendirian apabila terkenangkannya.

Kesempitan hidup menjadikan Legau diasuh dengan penuh disiplin. Kehidupan adik-beradiknya diulit dengan usaha dan berdikari. Rasa tanggungjawab diterapkan sejak mereka kecil. Antara rutin yang perlu dilangsangkan oleh Legau, Ruseli dan Zainal ialah memenuhi tempayan serta tong dram bekas air di rumah untuk kegunaan emaknya memasak setiap hari. Mengandar air setiap hari menjadi rutin Legau dan adik beradiknya yang lain. Memiliki getah paip dianggap mewah. Namun menurut Legau, "Keadaan itu mengajar aku untuk berusaha demi mencipta takdir yang lebih baik". Rumah Legau yang beratapkan rumbia dan berlantaikan tanah adalah syurga bagi mereka. Pada waktu siang mereka akan kepanasan manakala kesejukan di waktu malam. Apabila hari hujan, mereka terpaksa menadah air yang menitik dengan menggunakan besen atau baldi bagi mengelakkan rumah menjadi lecak. Tempat tidur mereka di atas pangkin kayu yang beralaskan dan berselimutkan kain guni tepung Cap Kunci. Kejadian tarik-menarik selimut akan berlaku khususnya ketika waktu pagi lantaran kesejukan diulit kesuraman cahaya pelita minyak tanah kecil yang dipasang sebagai lampu tidur. Itulah saat yang paling membahagiakan Legau dan bersama adik-beradiknya, berebutkan selimut di sebelah malam dan berpeluk-pelukan kesejukan menjelang pagi.

Sejurnya pengulas sebak apabila membaca kenyataan yang berbunyi "Patutkah aku tidak bersyukur dengan keadaan yang telah dianugerahkan, sedangkan rezeki kesihatan yang diberi sahaja sudah cukup untuk aku meneruskan kehidupan". Kemiskinan menyebabkan Legau leka dengan dunia kanak-kanaknya yang sibuk bermain berkaki ayam tanpa pernah memikirkan makan minumnya. Kekurangan zat makanan juga menyebabkan Legau dikejarkan ke Klinik Kerajaan Bangsar sebanyak dua kali sehingga disahkan berisiko mendapat penyakit Polio. Kemiskinan juga menyebabkan makanan harian keluarga Legau dicatu. Tiada istilah makan bertambah kecuali hanya kuahnya sahaja. Bukannya kedekut, tetapi ayahnya perlu

memastikan kelangsungan hidup keluarganya untuk esok hari. Bertemankan pinggan dan kole ayan, Legau bersama adik beradiknya yang lain akan menantikan nasi serta lauk yang dicedok oleh ibu atau arwah ayahnya. Namun menurut Legau, walaupun pada hari ini beliau mampu menikmati pelbagai jenis makanan namun tidak rasa sesedap dan sepuas merasai serta menikmati makanan seperti dahulu. Itulah kuasa Allah SWT kerana hanya dia yang Maha memberi kenikmatan tersebut.

Mereka juga bahagia dengan dunia permainan mereka yang tersendiri di kawasan Bukit Angkasapuri dengan bermain gelongsor kotak kertas. Di samping itu mereka akan ke Tasik Taman Jaya, Petaling Jaya sejauh 6 kilometer untuk memancing ikan tilapia. Walaupun tasik ini kotor dan berbau busuk kerana air longkang kawasan perumahan namun di situ lah menjadi tumpuan pengail miskin seperti Legau. Namun hasil tangkapan tilapia hitam tersebut akan diproses sendiri oleh Legau sehingga digoreng dan dibuat sambal. Kemiskinan sebagai anak setinggan menjadikan Rosyam Nor memahami kesusahan dan kesengsaraan yang penuh dengan warna-warni. Kemiskinan itu juga menyebabkan beliau dengan mudah dapat menerima dan mengadaptasi watak-watak yang ditawarkan kepadanya dalam drama ataupun filem. Ini kerana lakonannya merupakan pengalaman yang pernah dilaluinya sebagai anak setinggan. Cuma berlatar belakangkan senario yang berbeza. Namun berkat kesabaran berada di kawasan setinggan akhirnya ketika berisia 41 tahun beliau mampu memiliki kediaman impian di atas bukit seperti mana yang pernah dilihatnya suatu ketika dahulu.

Masih terngiang-ngiang di cuping telinganya “Kau Mohamed Noor, jangan sampai jadi macam aku, kerja pegang kayu mati. Belajar betul-betul”. Nasihat keramat ayahnya menjadi pendorong kepada kejayaan Legau. Alam persekolahan anak setinggan miskin ini dalam keadaan yang cukup daif. Berkongsi beg sekolah bersama abangnya, berlapar, meneguk air paip dan tanpa duit belanja adalah perkara biasa. Keterujaan berhari raya juga hanya apabila mereka adik beradik berjalan keliling kampung setinggan dan mengutip duit raya. Kemanisananya ialah apabila mereka berjaya membeli kasut raya sekolah bersama ibunya selepas seminggu berhari raya. Namun segala kesusahan hidup keluarga mereka disimpan tanpa pengetahuan sesiapapun walaupun memang diketahui oleh Atok Busu iaitu bapa saudara kepada ibunya. Apabila menjelang cuti persekolahan, Atok Busu akan menyuruh anaknya Nasir menjemput Legau tiga beradik bermalam dirumahnya untuk beberapa hari. Rezeki akan menyebelahi Legau dan adik beradiknya apabila dijamu makanan yang enak oleh nenek, Mak Lang Biah dan Busu Idah. Kesempitan hidup ini juga mengajar erti persaudaraan kerana kesempatan ini merupakan ibarat rehat seketika dari kesempitan hidup. Walaupun mereka itu bukanlah golongan yang kaya raya, namun keikhlasan mereka menyempurnakan hajat untuk memberi ikhsan kepada keluarganya.

Rasa rendah diri tetap membenggu ketika alam persekolahan Mohamed Noor. Menyedari kepentingan pendidikan menyebabkan Mohamed Noor dan adik beradiknya didaftarkan di sekolah aliran Inggeris, La Salle Primary School Brickfields. Justeru itu, dia berada dalam dua dunia yang cukup berbeza. Pada waktu persekolahan dia bercampur dengan anak-anak yang jauh lebih senang sedangkan kehidupannya amat daif di kampung setinggan. Sebaliknya apabila kembali ke rumah dia menjadi jaguh kampung sehingga boleh berlagak seperti Vick Morrow dalam drama bersiri popular tahun 1970-an iaitu *Combat*. Namun percampuran bersama anak-anak bangsa asing mendekikkan jiwa hendak bersaing dan mahu mengubah kehidupan menjadi lebih senang seperti mana mereka.

Mohamed Noor berpindah ke Sekolah Menengah Seri Pantai Kampung Kerinci ketika tingkatan empat dan lima. Walaupun bukan tergolong dalam kategori pelajar cemerlang, namun bakat kepimpinannya terserlah apabila sering dilantik sebagai ketua darjah. Kepayahan hidup yang dialami semenjak kecil sedikit sebanyak membentuk semangat berdikari dan membina kecemerlangan dalam hidup walaupun bukannya bersandarkan bidang akademik. Mengutip zink, papan, kertas dan lebihan cat merupakan aktiviti biasa yang dilakukan bagi memastikan kelangsungan survival hidup mereka.

Sudah semestinya dia amat kagum dengan kecekalan ibunya Rubiah binti Kamaruddin dan bapanya Shamsuddin bin Mohd Yusof membesaraskan kesemua adik beradiknya tanpa mengeluh. Kesungguhan ibubapanya membesaraskan adik beradiknya dengan menjual nasi lemak, membela ayam dan mengambil upah mencuci pakaian di tiga buah rumah orang kaya di Petaling Jaya. Ibunya sanggup bersesak menaiki bas Sri Jaya nombor 30 menuju ke Jalan Changgai berdekatan dengan PJ Old Town demi membuktikan kegigihan ibunya membantu ayahnya menyara keluarga. Pelbagai cerita lain disampaikan oleh Legau di dalam bukunya. Namun, insiden dua ekor cicak yang jatuh ke dalam gulai masak lemak cili api ayam benar-benar meruntun emosi pengulas (halaman 61-63). Begitulah jua pengorbanan ayahnya yang tidak mampu untuk dititipkan dengan pena. Menurut Legau lagi, arwah ayahnya menangis apabila dia meminta izin daripadanya yang sedang nazak untuk memanggil orang masjid membaca Yassin. Dalam meniti usia remajanya, pelbagai pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan dicuba bersama rakannya Jinder dan “Beruang”. Pernah dia mengangkat kotak dengan menaiki tangga sehingga terjatuh. Maka berteraburlah isi dalamnya iaitu daging khinzir dalam tin. Dalam meniti alam persekolahannya, kegagalan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat pangkat 3 adalah perkara yang amat memeritkan. Namun dia meletakkan kegagalan itu di atas bahunya sendiri tanpa menyalahkan takdir sebagai anak setinggan. Dia percaya dan kepada ketentuan Allah SWT serta tetap yakin bahawa selagi usianya masih ada, selagi itulah peluang untuk cemerlang dan berjaya itu tetap ada. Kejayaan itu akhirnya datang dengan jalan yang berbeza pada hari ini dalam kehidupan Rosyam Nor.

Bahagian kedua buku ini bertajuk “Pentas dan Watak Dalam Kehidupan”. Pengenalan bahagian kedua ini dimulakan dengan pernyataan “Impian anak setinggan sering diperlekehkan kerana bagi mereka, kemampuan menghadapi hari esok sahaja sudah cukup baik untuk dimiliki oleh budak setinggan seperti aku. Bagi mereka, cita-cita hanyalah angan-angan kosong”. Namun terdetik juga di hatinya bahawa cita-cita dan angan-angan adalah doa. Persoalan yang selalu bermain di benak fikirannya ialah apakah anak setinggan sepertinya yang hanya memakai seluar daripada guni tidak layak menjadi terkenal, hidup dalam kemewahan dan bergelar jutawan. Turut dititipkan dalam bab ini ialah asal mulanya Mohamed Noor yang bercita-cita menjadi pelakon. Minatnya bermula apabila Radio Televisyen Malaysia (RTM) menayangkan filem-filem Melayu pada setiap hari Jumaat. Anak-anak setinggan ini akan pergi ke kawasan rumah pangsa tersebut untuk menonton filem Melayu dengan bayaran sebanyak sepuluh sen untuk orang dewasa dan lima sen untuk kanak-kanak. Namun kemiskinan menyebabkan Legau dan abangnya mengintai dicelah-celah bingkai cermin tingkap nako rumah pangsa. Selepas selesai tayangan filem tersebut, Legau, abang dan anak-anak setinggan yang lain akan melakonkan semula watak yang mereka tonton. Dalam diam, Legau bercita-cita menjadi pelakon suatu hari nanti.

Namun semuanya berubah ketika berusia 18 tahun dan bekerja sebagai pembantu di syarikat profileman milik Pansha. Dia dipelawa untuk ke Hong Kong bagi memproses filem. Berita

Legau budak setinggan pertama Kampung Kerinci Bukit C yang akan menaiki kapal terbang tersebar dengan cepat. Berbekalkan duit RM15 yang dipinjam daripada ibunya Legau berangkat ke Hong Kong bagi mengejar cita-cita awalnya sebagai seorang pelakon filem. Sudah semestinya juga Legau terpengaruh dengan populariti yang dimiliki oleh keluarga arwah Pak Ngahnya seniman Hussein Abu Hassan. Manakala di sekolah pula beliau mendapat inspirasi apabila melihat Aziz M. Osman dan adiknya Zulkifli M. Osman yang ketika itu bersekolah di Sekolah Menengah Seri Pantai, Kampung Kerinci. Tambahan pula apabila mendengar drama radio Lima Persiaran Satu melalui watak Amir yang dilakukan oleh Latif Mohidin. Kesempatan juga diambil pada setiap hari Sabtu apabila RTM mengadakan siaran langsung program Hiburan Minggu ini. Walaupun dengan hanya menyelinap masuk dari bahagian pagar yang berlubang di Auditorium Perdana, Legau dapat melihat dengan dekat wajah penyanyi-penyanyi hebat tanah air seperti Hail Amir, Andre Goh, V. Saragavani dan lain-lain lagi. Dengan kuasa Allah SWT, pada hari ini Legau mampu berdiri di atas pentas yang sama dengan penyanyi dan pelakon hebat tanah air.

Sudah semestinya terdapat individu yang berperanan sebagai sumber inspirasi di sebalik kejayaan Legau seperti Puan Noriah Letuar, penerbit hiburan yang bertanggungjawab mengasah bakat pengacaraannya. Namun keadaan persekitaran sentiasa mendorong Legau untuk tidak putus dari bermimpi. Kunjungan ketika sambutan Hari Raya ke rumah Mak Ngah Mahyon membuka lembaran baru dalam kehidupannya apabila berpeluang berlakon dalam filem Gila-gila Remaja. Sepupu Legau iaitu Faizal Hussein yang berperanan melatihnya membaca skrip sebelum berjumpa Hussein Abu Hassan yang digelar “Harimau Berantai”. Namun kunjungan “Harimau Berantai” bersama Faizal Hussein ke kawasan setinggan membawa rezeki dalam kehidupannya sebagai seorang pelakon. Namun limitasi dalam drama dan filem yang sangat terhad menyebabkan Legau menganggur selepas lakonan filem Gila-gila Remaja. Maka Legau menjadi penganggur dan mencuba pelbagai jenis pekerjaan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Filem kedua lakonan Legau ialah Sayang bersama dengan Amy Search dan Raja Ema. Pansha mengambil Legau sebagai kru penerbitan disamping pelakon watak-watak tambahan. Peluang yang diberikan digunakan oleh Legau bagi mempelajari selok belok dan budaya sebagai seorang pelakon. Namun pada pandangan Legau, disiplin adalah soal keperibadian dan tidak boleh dikompromi. Namun aspek disiplin ini sudahpun digarap oleh ibu bapanya. Berkat kesungguhan Legau selama 13 tahun bekerja sebagai pencuci tandas dan pelakon tambahan akhirnya dia berjaya menjadi seorang penerbit eksekutif.

Rosyam Nor mempunyai pendekatan menghargai setiap peluang yang datang dan membina jenamanya tersendiri. Walaupun lahir sebagai Mohamed Noor bin Shamsuddin dan dibesarkan sebagai Legau anak setinggan namun nama Rosyam Nor (Ro-Rubiah, Syam-Shamsuddin, Nor-Mohamed Noor) menjadi jenamanya yang tersendiri apabila melibatkan diri dalam filem pertamanya. Limitasinya dalam pendidikan menyebabkan beliau tidak berpeluang menyambung pengajian. Namun kerja keras dan kecemerlangannya dalam dunia perfilman menyebabkan pada 15 September 2012 beliau dinobatkan untuk menerima Ijazah Kehormat Sarjana Seni (Keusahawanan Industri Kreatif) dari Universiti Malaysia Kelantan.

Ketika bekerja dengan *Berjaya Film Production* kepunyaan saudara Pansha, Legau telah berlakon dalam empat buah filem iaitu Sayang, Perawan Malam, Tak Kesahlah Beb dan Kanta Serigala. Namun filem-filem ini gagal menaikkan nama Legau sebaris dengan pelakon popular lain. Namun filem Suami, isteri dan ... merupakan permulaan kejayaan kepada Legau sebagai hero. Filem gandingan bersama Lidyawati mengangkat nama Rosyam Nor di pentas

profileman dan diperteguhkan lagi melalui watak Fakar dalam filem Jimi Asrama. Pengukuhan jenama Rosyam Nor juga dibuat dengan menjadi duta kepada *Nona Roguy, Power Root, Julie's, Zell-V* dan eRezeki di bawah MdeC. Dalam proses menggarap kejayaan sebagai pelakon, Datuk Yusof Haslam merupakan mentor Rosyam Nor yang menduduki tempat teratas. Namun kekaguman beliau terhadap Datuk Yusof Haslam menyebabkan Rosyam Nor berjumpa dengannya. Hasilnya Rosyam Nor mendapat tawaran berlakon lapan babak dalam filem Maria Mariana. Disiplin Rosyam Nor yang tinggi membawa hasil apabila menerima tawaran berlakon dalam filem *Gerak Khas The Movie*, Bara dan Janji Diana bersama Skop Production. Di samping itu, Rosyam Nor melibatkan diri dalam lakonan drama. Gandingan mantap dan ruang yang diberikan oleh Datuk Yusof Haslam, Rashid Sibir, Bade Hj. Azmi, Erma Fatima dan Z. Lokman menyebabkan jenama Rosyam Nor menjadi semakin kukuh. Namun perjalanan anak seni ini mengambil tempoh masa selama hampir 15 tahun sebelum berada di puncak kejayaan dan meraih pelbagai anugerah dalam industri profileman.

Bahagian 3 dan terakhir dalam buku ini bertajuk “Membina dan mencipta makna kehidupan”. Bab ini memberikan gambaran mengenai usaha yang dilakukan oleh Legau untuk mengubah kehidupan. Beliau berpegang kepada falsafah “cepat atau lambat itu bukan urusan kita sebab rezeki tak pernah terlambat atau tercepat”. Justeru itu, beliau tidak menunggu sehingga duit berkepuasian untuk dijadikan modal bagi memulakan perniagaan. Sebaliknya memulakan segalanya dengan apa yang hanya ada di tangan. Berkat kesungguhan tanpa mengira perit jerih, pada tahun 1997 beliau memiliki Suhan Movies & Trading Sdn. Bhd. yang dihadiahkan oleh saudara Pansha. Namun ujian Allah SWT melanda apabila tidak mendapat sebarang kontrak selama dua tahun dan ditipu oleh ejen palsu. Telefilem bertajuk Buat yang Tersayang mengubah sedikit kehidupan awalnya. Bermodalkan sedikit keuntungan dan duit lakonan, dia berjaya menerbitkan rancangan untuk stesyen televisyen serta filemnya sendiri. Dia juga sudah mampu menjana modal sendiri dan tidak mengharapkan sebarang bantuan daripada saudara Pansha. Walaupun berbeza agama dan kebudayaan, namun Pansha banyak membantu Rosyam Nor mengubah kehidupan. Namun dalam menuju puncak dia pernah mengalami kerugian yang banyak. Hal yang demikian juga mampu diserap sebagai hikmah dan pelajaran yang Allah SWT berikan kepadanya. Begitu juga dengan filem Castello yang menelan belanja sebanyak RM1.2 juta. Kekangan kewangan yang dihadapi ketika itu diselesaikan oleh Dato' Kapten Gulzar dan filem tersebut mendatangkan hasil yang agak lumayan.

Rosyam Nor juga dikatakan bakal mendapat tawaran bergandingan dengan Chow Yuen Fatt dan akan mendapat gaji sebanyak RM500,000 pada tahun 2000. Namun semuanya hanya menjadi mimpi apabila diisi oleh pelakon lain. Insiden tersebut meninggalkan kesan yang mendalam dalam hidupnya terutamanya apabila dimuhasabah tentang kealpaan dalam membayar zakat. Tarbiah Allah SWT membuatkan Rosyam Nor sentiasa beringat bahawa kemewahan yang dimiliki adalah juga untuk dikongsi bersama dengan orang lain. Berbekalkan semangat dan berkat kehidupan yang dikurniakan oleh Allah SWT, Rosyam Nor menceburi bidang pertanian dengan membuat permohonan tanah *Temporary Occupational Land* (TOL). Beliau berjaya mendapatkan tanah seluas 175 ekar di Taman Pertanian Kekal Moden di Lanchang, Pahang. Berkat kesungguhannya beliau mampu menceburi bidang pertanian nangka madu, durian belanda dan ternakan kuda padi, lembu, kambing dan ayam kampung. Seterusnya, Runika Mohd Yusof (Runi) membuatkan Legau separuh cair dan membuka dimensi baharu dalam kehidupannya. Akhirnya Runi menjadi suri hidupnya pada 5 November 1989. Tanggungjawab sebagai ayah kepada lima orang puteri memberikan kekuatan kepada Rosyam Nor untuk memberikan yang terbaik untuk anak-anaknya. Ini memberi pengertian betapa berharganya keringat ayah yang membesarkan mereka.

Bahagian terakhir buku ini dinukil “mahupun zaman berbeza tetapi tiga watak yang dianugerahkan oleh Allah SWT buat diriku tetap aku bawa walau ke mana sahaja”. Bermula dengan nama yang diberi sebagai Mohamed Noor, Legau yang sinonim dengan kehidupannya sebagai anak setinggan dan akhirnya popular sebagai Rosyam Nor. Walaupun melalui zaman yang berbeza tetapi beliau tidak lupa diri. Pada pandangan pengulas, beliau mengakhiri penulisannya dengan ungkapan “Andai suatu hari aku telah pergi bertemu Ilahi; kirimkan Al-Fatihah buat aku di sana nanti”.

Sudut pandangan pengulas, Mohamed Noor merupakan insan kerdil yang berjiwa kental. Beliau tidak menjadikan kemiskinan sebagai penghalang untuk berjaya dalam kehidupan. Kekurangan dalam kehidupannya diperbaiki tanpa mempunyai perasaan segan silu. Pengulas pernah mengambil kesempatan untuk menerangkan kepada anak didik ketika bertugas di Lanchang, Pahang bahawa ladang nangka madu itu adalah milik Legau. Apabila berkereta bersama anak-anak dan terjumpa gambar Legau sebagai duta traktor ataupun produk makanan tambahan pengulas akan menceritakan kegigihan beliau memecahkan tembok kemiskinan. Kemunculan beliau sebagai pengacara Dai Pencetus Ummah tetap dinantikan kerana kepetahan beliau berbicara. Hatta drama dan filem lakonannya tetap mantap dan berbisa. Nama dan gambar beliau tetap pengulas pancarkan ketika menyampaikan motivasi. Katanya lagi “Hari ini Allah SWT telah menjawab persoalan aku; kalau bukan kerana takdir menempatkan aku sebagai budak setinggan, aku tidak mungkin akan mengerti apa itu kesusahan. Begitulah tarbiah Allah SWT untuk aku menjiwai dan memahami kehidupan yang penuh warna-warni”.

Secara keseluruhannya Rosyam Nor berjaya menggarap buku ini dengan gaya bahasa yang mudah dan cukup santai. Buku ini juga menarik perhatian apabila diselitkan dengan beberapa keping gambar-gambar beliau. Gambar-gambar tersebut merupakan sebahagian daripada anekdot kehidupan seorang penghuni setinggan yang berjaya menempa nama sebagai anak seni. Gambar-gambar ini dapat berbicara mengenai perjalanan hidup Mohamed Noor, Legau atau Rosyam Nor. Pada bahagian terakhir beliau menyatakan, “Angan-angan dan cita-cita adalah doa. Angan-angan dan cita-citaku menjadi kenyataan. Moga angan-angan dan cita-cita anda juga akan tercapai dengan syarat disertakan dengan usaha dan doa. Amin...”. Hal yang demikian, pada hemat pengulas memberikan impak yang amat signifikan sebagai penyuntik semangat untuk terus berjaya.

### **Mohamed Ali bin Haniffa**

Pensyarah Kanan

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.